

06/04/2001

Lawatan PM ke Kelantan beri semangat baru

KOTA BHARU, Khamis - Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kelantan Sabtu ini, disifatkan amat penting khususnya dalam konteks politik semasa di negeri itu.

Pada masa sama, lawatan Presiden Umno itu juga diharap dapat memberi suntikan dan semangat baru kepada Umno Kelantan sebagai persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum pada 2004.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mustapa Mohamed, berkata lawatan Perdana Menteri ke Kelantan kali ini adalah yang pertama selepas Pilihan Raya Umum 1999 dengan menyaksikan Umno sekali lagi tewas kepada Pas untuk penggal ketiga berturut-turut.

Katanya, kehadiran Presiden Umno ke Kelantan juga diharapkan dapat membangkit semula semangat ahli Umno di semua peringkat berkerja dalam satu pasukan serta mengukuhkan perpaduan.

"Kedatangan Perdana Menteri kali ini adalah lawatan pertama beliau ke Kelantan sejak selepas Pilihan Raya Umum 1999 dan saya melihat lawatan kali ini amat penting untuk memberikan semangat kepada Umno Kelantan.

"Intipati lawatan Perdana Menteri juga supaya kita (ahli Umno) berkerja dalam satu pasukan serta mengukuhkan perpaduan," katanya kepada pemberita selepas majlis Konvokesyen Politeknik Kota Bharu, di Kok Lanas, dekat sini, petang ini, hari ini.

Dr Mahathir dijangka melakukan lawatan rasmi ke Kelantan selama sehari Sabtu ini dan Perdana Menteri akan memulakan acara dengan merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno bahagian Gua Musang, di Balai Rakyat, Bukit Chekati, kira-kira jam 11 pagi.

Mustapa berkata, Badan Perhubungan Umno negeri sudah mengatur beberapa acara untuk Perdana Menteri bagi membolehkan beliau bertemu rakyat di semua peringkat seperti di Tanah Merah, Kota Bharu selain merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Gua Musang.

Menurutnya, pada sebelah malam, Dr Mahathir dijangka mengadakan perjumpaan tertutup dengan Biro Politik tiga peringkat Umno bahagian seluruh negeri di Dewan Umno negeri Jalan Tengku Chik, di Kota Bharu.

"Jadi ini (lawatan Perdana Menteri) sebagai usaha mengukuhkan lagi kedudukan Umno dan mengembalikan keyakinan rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) khususnya di Kelantan pada pilihan raya akan datang.

"Lawatan ini juga sudah pasti memberi semangat baru dan dapat menggerakkan seluruh jentera Umno dengan lebih hebat lagi untuk persiapan menghadapi pilihan raya tahun 2004.

"Jadi, kita (rakyat Kelantan) memang menunggu kedatangan Perdana Menteri dan lawatan ini begitu bermakna dalam keadaan politik semasa di negeri ini," katanya.

(END)